

02/10/2000

Kementerian awasi harga barang

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Ahad - Peniaga di seluruh negara diberi amaran supaya tidak menjadikan alasan kenaikan harga petrol untuk menaikkan harga barangan keperluan pengguna.

Sambil menyifatkan kenaikan harga minyak itu kecil, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tidak ada sebab harga barangan perlu dinaikkan berikutan kenaikan itu.

Sehubungan itu, katanya, semua pegawai penguatkuasa sudah diarah memantau kenaikan harga barangan dan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang sengaja mengambil kesempatan daripada kenaikan itu.

"Mereka juga diarah mengemukakan laporan mingguan bagi membolehkan saya membentangkannya pada mesyuarat mingguan Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis makan malam di sini, malam tadi.

Semalam, kerajaan mengumumkan kenaikan harga petrol 10 sen seliter atau 9.1 peratus menjadikan RM1.20 sen seliter, berkuat kuasa tengah malam semalam.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya mengumumkan harga diesel turut naik lima sen seliter manakala harga gas petroleum cecair (LPG) naik 10 sen sekilogram.

Harga baru runcit Petrol Ron 97 (Tanpa Plumbum) di Semenanjung ialah RM1.20 sen seliter, RM1.18 sen di Sabah dan RM1.19 sen di Sarawak.

Harga runcit Petrol Ron 92 (berplumbum) pula meningkat kepada RM1.16 sen seliter di seluruh negara.

Bagi diesel, harga runcit meningkat kepada 70.1 sen seliter bagi Semenanjung, 70.4 sen di Sabah dan 69.8 sen di Sarawak.

Harga runcit LPG meningkat kepada RM1.28 sen sekilogram, naik 10 sen di Semenanjung dan 1.36 sen bagi Sabah dan Sarawak.

Muhyiddin berkata, kenaikan itu tidak membebankan pengguna kerana kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat dalam melaksanakan sesuatu dasarnya.

"Kenaikan itu kecil dan kerajaan berharap ia tidak memberi kesan secara langsung kepada pengguna terutama dari segi kenaikan harga barangan," katanya.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian mendapati kebanyakan stesen minyak di sini mula menjual Petrol Ron 97 RM1.20 seliter berbanding RM1.10 sen sebelum pengumuman itu.

(END)